Utusan Borneo: 12 November 2026

Wanita didenda RM4,000 kerana beli tiket loteri haram

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM4,000 atau penjara empat bulan jika gagal membayar denda ke atas seorang wanita berusia 36 tahun dari Padawan yang mengaku bersalah membeli tiket loteri haram.

Tertuduh membuat pengakuan itu selepas pertuduhan mengikut Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dibacakan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Kanan Afiqah Alya Johari.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah kedai makan di Taman Duranda Emas, Siburan pada kira-kira jam 6.45 petang, 1 November 2026.

Berdasarkan fakta kes, polis menjalankan satu operasi sebelum menemui tertuduh sedang duduk di kedai makan berkenaan sambil menggunakan telefon bimbit.

Polis yang mengesyaki tertuduh terbabit dalam kegiatan loteri awam tanpa lesen kemudian merampas telefon bimbit, sekeping kertas yang mengandungi nombor loteri serta wang tunai RM20.

Kes dikendalikan oleh Inspektor Siti Radhiah Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.